



Teori Relevans dalam Pembelajaran KOMSAS

SRIKANDI SAEMAH SAMAON, MARY FATIMAH SUBET

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300 Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA

Email: srisintok@yahoo.com | Tel: +601129927992 | Fax: +6082592652 |

Received: June 04, 2020

Accepted: June 15, 2020

Online Published: July 05, 2020

Abstrak

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, penggunaan sastera dalam pembelajaran bahasa mula diterapkan di peringkat sekolah menengah dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988. Penggunaan bahasa sastera ini diterapkan dalam pembelajaran Bahasa Melayu yang dikenali sebagai Kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu atau dikenali sebagai KOMSAS. KOMSAS yang diajar di sekolah-sekolah menengah di Malaysia terdiri daripada lima genre utama iaitu puisi tradisional, puisi moden, prosa tradisional, prosa moden dan novel. Novel yang merupakan salah satu genre kajian utama dalam KOMSAS memaparkan pelbagai peristiwa, yang boleh dijadikan pengajaran kepada pembaca. Melalui pembacaan novel, pembaca mendapat pelbagai nilai murni, pengajaran, nilai kemasyarakatan atau budaya yang dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran kepada pembaca. Kajian ini menganalisis peristiwa-peristiwa penting dalam novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Bagi menganalisis novel ini pengkaji, akan mengaplikasikan pendekatan Teori Relevans (TR) yang mementingkan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat untuk menganalisis peristiwa-peristiwa penting yang terdapat dalam novel tersebut. Peristiwa-peristiwa penting dalam novel tersebut akan dianalisis secara eksplikatur dan implikatur dengan menggunakan TR dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Hasil analisis TR dan RRS pembaca dapat mengetahui latar masyarakat, nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*.

Kata kunci: Teori Relevans, latar masyarakat, nilai murni, pengajaran, KOMSAS

1. Latar Belakang

Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu (KOMSAS) mula diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000 bertarikh 23 Februari 2000. Elemen KOMSAS yang diserapkan dalam pengajaran Bahasa Melayu yang menjadi kajian pelajar termasuklah cerpen, drama, prosa tradisional, puisi moden (sajak), puisi tradisional seperti pantun, syair, gurindam, seloka dan bahasa berirama. Salah satu tujuan memasukkan elemen KOMSAS dalam pembelajaran Bahasa Melayu adalah untuk meningkatkan sahsiah dan nilai-nilai murni dalam diri pelajar. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia, menerusi Pusat Perkembangan Kurikulum 2003, telah memasukkan 16 nilai murni yang perlu diterapkan semasa pembelajaran KOMSAS. Menerusi pembelajaran KOMSAS, Kadir (2007) menyatakan murid berpeluang untuk membina nilai-nilai murni dan pembinaan sahsiah yang mulia.

Dalam Kajian ini, penulis akan mengkaji salah satu teks Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu (KOMSAS) bagi zon Sarawak. Teks yang dikaji ialah teks Novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor yang diterbitkan pada tahun 2014. Kajian ini dilakukan menggunakan pendekatan Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang (RRS) sebagai salah satu kaedah pengajaran dan pemudahcaraan dalam mempelajari KOMSAS. TR dan RRS digunakan untuk menganalisis peristiwa-peristiwa dalam novel bagi memudahkan pelajar memahami dan menjiwai jalan cerita dalam novel kajian mereka seterusnya membolehkan pelajar meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) mereka.

2. Teori Relevans

Secara asasnya, Teori Relevans (TR) merupakan suatu andaian yang dibuat oleh pendengar atau penerima maklumat berkaitan sesuatu konteks bagi menimbulkan maksud. Hal ini menjelaskan TR yang dikemukakan oleh Sperber dan Wilson (1986) dalam Jalaluddin (1999), berdasarkan idea bahawa komunikasi bergantung pada kognitif. Keberlangsungan komunikasi berjalan seiring dengan bagaimana prinsip relevansi ini dimanfaatkan. Komponen kognitif dari teori relevansi merupakan proses kognisi untuk mendapatkan informasi yang relevan. Yang dimaksudkan dengan informasi yang relevan, ialah informasi yang memiliki efek kontekstual terhadap tuturan dalam makna bahasa. Hal ini kerana bahasa sangat kaya dengan makna, tetapi menurut teori pragmatik, setiap penggunaan bahasa tidak



berhenti pada makna melainkan berlanjut pada munculnya maksud. Secara mudahnya, menurut Subet (2014), menjelaskan TR yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986) mengandaikan bahawa manusia sebenarnya mempunyai intuisi relevans. Intuisi relevans ini boleh membezakan dengan konsisten maklumat yang relevan dengan maklumat yang tidak relevan atau maklumat yang lebih relevan dengan maklumat yang kurang relevan.

Manakala menurut Jalaluddin (2003) TR menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Pemahaman asas para guru tentang tiga gagasan utama ini akan menjadi panduan mudah untuk guru mengaplikasikan pendekatan TR dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.

i. Konteks

Menurut Subet (2010), konteks dalam TR merupakan adanya kewujudan seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. yang masih kekal dalam ingatan, perkara yang melibatkan masa depan, hipotesis saintifik, kenangan manis, pahit atau lucu, andaian tentang budaya dan kepercayaan yang ada pada penutur dan sebagainya. Konteks dirujuk dengan tiga cara iaitu melalui ujaran terdahulu (dalam wacana yang menghasilkan ujaran itu), kedua dengan cara merujuk apa sahaja yang berlaku di sekitar manusia dan ketiga melalui catatan ensiklopedia yang terdapat dalam memori seseorang yang dapat dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran (proposisi).

ii. Kesan kognitif

Manakala kesan kognitif pula merupakan andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar itu. Menurut Jalaluddin (2003), kesemua ini tersimpan sebagai catatan ensiklopedia. Dalam perbualan, pendengar akan menggabungkan atau memperkuat, atau menggugurkan konteks yang dikemukakan oleh penutur dengan andaian awal yang sedia ada untuk menghasilkan kesan kognitif. Menyentuh tentang andaian awal, Sperber dan Wilson (1986) dalam Subet (2010) mendakwa bahawa:

i. andaian mungkin menyumbang maklumat baharu, tetapi maklumat baharu ini tiada kaitan dengan maklumat yang sedia ada dalam konteks.

ii. andaian telah ada dalam konteks dan kekuatannya tidak terancam dengan maklumat baharu yang ditunjukkan; maklumat baharu yang ditunjukkan menjadi tidak seformatif langsung dan tidak relevan.

iii. andaian tidak konsisten dengan konteks dan terlalu lemah untuk mengecewakannya; pemprosesan maklumat malah meninggalkan konteks tidak berubah.

Hasil gabungan tiga andaian yang direfleksi oleh Sperber dan Wilson (1986) di atas, maka penggabungan maklumat berlaku apabila andaian awal pendengar dapat digabungkan dengan maklumat baharu penutur untuk menghasilkan kesan kognitif yang dapat membantu pendengar memproses mesej penutur dengan mudah. Dengan itu, maklumat dapat disahkan dan ternyata betul untuk membentuk kesan kognitif yang baik dan berguna kepada pendengar untuk membantunya dalam menginterpretasikan makna ujaran sebenar. Maknanya, untuk memastikan maklumat itu relevan, maklumat itu seharusnya kaya dengan kesan kognitif yang bakal membantu dalam interpretasi makna. Hal ini kerana Sperber dan Wilson (1986) mendakwa tanggapan bagi kesan kognitif adalah penting pada pencirian relevans. Oleh sebab itu, menurut mereka, mempunyai kesan kognitif adalah syarat penting bagi relevans, dan perkara lain seimbang, lebih banyak kesan kognitif, lebih relevan ujaran tersebut.

iii. Usaha Memproses


Usaha memproses pula merupakan usaha yang terlibat dalam menginterpretasikan makna ujaran. Menurut Jalaluddin (2003), usaha memproses ini merujuk kepada usaha memproses maklumat oleh pendengar. Bagi penutur pula, usaha memproses juga penting untuk memastikan yang ujarannya boleh difahami dengan mudah oleh pendengar. Beliau menegaskan bahawa mengikut TR, semakin rendah usaha memproses maklumat, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran.

Jadi dengan menggunakan tiga gagasan utama iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses pelajar akan mengkaji dan mendalami elemen KOMSAS. Secara tidak langsung pelajar akan dapat memahami serta menghayati maksud tersirat dalam karya yang dikaji. Hal ini menepati kehendak PAK 21 iaitu pelajar perlu diajar untuk berfikir di luar kotak selaras dengan kehendak Kementerian Pelajaran kini yang menekankan konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam diri pelajar. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa TR merupakan suatu teori andaian yang relevan



berkaitan dengan konteks yang boleh memberi kesan kognitif pada pemikiran pelajar untuk memproses konteks atau idea yang sesuai berdasarkan aspek yang dibincangkan.

3. Penyataan Masalah



Rajah 1. Kaedah pembelajaran KOMSAS

Fenomena Pendidikan hari ini yang mementingkan kecemerlangan akademik menyebabkan pembelajaran Komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu diajar oleh guru semata-mata memenuhi tuntutan peperiksaan awam yang pelajar bakal duduki. Seperti juga pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu, pengajaran dan pembelajaran KOMSAS tidak mempunyai kaedah yang khusus. Pengajaran dan pembelajaran KOMSAS hanya berorientasikan peperiksaan bagi meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Menurut Subet (1993: vii) menyatakan bahawa pendidikan Kesusasteraan Melayu berorientasikan peperiksaan. Beliau berpendapat kaedah yang sangat menonjol dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah menengah adalah dengan meminta para pelajar melakukan prapersediaan dengan membaca untuk memahami, menulis untuk menghasilkan sinopsis sesuatu bahan sastera yang dikaji sama ada novel, cerpen atau puisi. Pelajar juga diminta menghasilkan nota-nota bertulis secara struktural yang termasuk tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, teknik penceritaan seperti sorotan muka, sorotan kembali, teknik deskriptif, atau teknik keperihalan, teknik sapsen, gaya bahasa, latar masa, latar tempat, latar masyarakat, pengajaran, nilai-nilai murni dan lain-lain. Guru seterusnya akan bercerita dan bersyarah untuk memantapkan lagi pemahaman murid. Pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu berakhir dengan soal jawab antara guru-murid, dan seterusnya meminta pelajar merumus dan akhirnya memberi kerja rumah untuk diselesaikan. Kaedah seperti ini juga diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di sekolah-sekolah menengah.

Oleh itu, melalui kajian ini penyelidik mencadangkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran KOMSAS pada dekad ini dipelbagaikan lagi dengan mengaplikasikan pendekatan Teori Relevans (TR) yang telah diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) untuk menarik minat pelajar membaca, memahami dan menghayati serta memudahkan mereka menjana KBAT dalam aspek KOMSAS yang mereka pelajari. Oleh kerana kajian tentang aplikasi Teori Relevans dalam pembelajaran KOMSAS belum lagi dilakukan secara menyeluruh maka kajian ini diteruskan menggunakan pendekatan Teori Relevans dalam pembelajaran KOMSAS bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

4. Objektif Kajian


Kajian ini penting untuk melihat pendekatan Teori Relevans dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS bagi mata pelajaran Bahasa Melayu sekali gus menjana KBAT dalam pemikiran pelajar. Antara lain objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji pendekatan Teori Relevans dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.
2. Menganalisis pendekatan Teori Relevans yang bersifat andaian bagi menjana Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pelajar dalam elemen KOMSAS.

5. Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah kualitatif iaitu kajian secara analisis dokumen atau teks. Pengkaji memilih kaedah kualitatif untuk menganalisis data kajian kerana pengkaji ingin memberi gambaran dan menjelaskan data yang terdapat dalam novel. Hal ini selaras dengan pendapat Flick (2007) iaitu “...to understand, describe and sometimes explain social phenomena ‘from the inside’ in a number of different ways by analyzing document (texts, images, film or music) or similar traces of experiences or interactions”. Sumber data kajian ini akan dianalisis menggunakan TR dan diperkukuhkan dengan sub konsep TR iaitu Rangka Rujuk Silang (RRS).

Pengkaji akan menggunakan sebuah novel KOMSAS iaitu novel *Di Sebalik Dinara* sebagai data korpus kajian. Novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor (2014), mempunyai 14 bab dan 227 muka surat. Berdasarkan data korpus daripada novel *Di Sebalik Dinara*, pengkaji menyenaraikan watak-watak dalam novel. Bagi tujuan penulisan ini, pengkaji akan menghuraikan satu peristiwa penting dalam novel dengan menggunakan analisis TR dan RRS bagi mendapatkan makna sebenar dan seterusnya meluaskan makna tersebut berdasarkan pemahaman KBAT pembaca.



Rajah 2. Prosedur menganalisis data

Prosedur menganalisis data dalam novel ini akan dilakukan seperti Rajah 2. Pada peringkat pertama, pengkaji akan memilih data berdasarkan peristiwa-peristiwa penting dalam novel tersebut. Peristiwa penting yang akan digunakan sebagai data melibatkan watak utama iaitu Farisha dan watak yang berkait secara langsung dengan watak utama iaitu Azraai yang merupakan abang angkat kepada Farisha. Setiap ujaran dalam peristiwa ini menjadi data kajian dan akan dianalisis pada peringkat seterusnya. Data ini kemudiannya, dianalisis secara eksplikatur bagi mendapat makna logik bagi menimbulkan kesan konteks dalam diri pembaca. Kesan konteks yang wujud ditambah dengan pengetahuan sedia ada pembaca akan mewujudkan kesan kognitif bagi menghasilkan pelbagai andaian implikatur. Data seterusnya akan dianalisis pula secara implikatur bagi mentafsirkan makna. Kesan kognitif yang wujud bagi setiap data dapat memberi makna implisit terhadap data yang dianalisis. Berdasarkan pengetahuan dan pengalaman, pembaca mampu mentafsirkan makna ujaran dalam data yang dikaji. Seterusnya, pengkaji akan membuat kesimpulan makna implikatur bagi data yang telah dianalisis bagi mendapatkan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis berdasarkan peristiwa-peristiwa penting yang telah dikaji oleh pengkaji. Daripada segi usaha memproses, berdasarkan Teori Relevan jika kesan konteks tinggi, maka secara langsung usaha memproses menjadi rendah. Jadi di sini, jika kesan konteksnya tinggi dan usaha memproses itu rendah, maka relevanlah ujaran itu.

6. Perbincangan

Pada bahagian analisis dan perbincangan kajian ini, pengkaji akan menjelaskan data peristiwa penting yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Analisis menekankan penginterpretasian makna logik berdasarkan peristiwa-peristiwa penting dalam novel akan dianalisis dengan lebih mendalam menggunakan TR dan diperkukuhkan dengan RRS. Data



tersebut adalah seperti berikut:

Data 1:

“Azraai tu abang kau. Dia sayang akan kau. Tentulah dia buat semua ni demi keselamatan kau.” Shida berada di pihak Azraai nampaknya.

(Di Sebalik Dinara; ms 10)

Makna logik : Sahabat Farisha iaitu Shida bersetuju dengan tindakan Azraai kerana beranggapan tindakan Azraai adalah disebabkan Azraai mementingkan keselamatan adiknya.


Jadual 1: Rumusan analisis makna berdasarkan data 1.

Eksplikatur	Bentuk Logik	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur	Makna Sebenar
<u>Tentulah</u> dia buat semua ni demi keselamatan kau	Tentu ¹ = sudah tetap, tidak berubah-ubah, pasti teratur	1.abang mahukan keselamatan adiknya terjamin	Sebagai abang memang menjadi tanggungjawab dan tugasnya untuk memastikan keselamatan adiknya terjamin	Seorang abang yang bertanggungjawab
	Tentu ² = sudah tidak ragu-ragu lagi, sudah ketara (ketentuan), benar, tidak syak lagi, jelas, nyata, terang	2.abang menjaga kebajikan adiknya		Seorang abang yang menyayangi adiknya
	Tentu ³ = tidak boleh tidak, mesti, nescaya	3.abang yang memantau pergerakan adiknya		Seorang abang yang prihatin
	(Kamus Dewan, 2015)			

Ujaran dalam Data 1, dan Jadual 1 merujuk kepada sifat seorang abang yang bertanggungjawab terhadap keselamatan seorang adik. Dengan pengetahuan yang sedia ada, pemahaman makna logik pembaca sudah dapat mentafsir tindakan seorang abang melalui leksikal ‘*tentu*’ iaitu merujuk kepada tindakan pasti dan sudah tidak ragu-ragu akan dilakukan oleh seseorang abang terhadap adiknya. Ujaran ini menghasilkan kesan kognitif kepada pembaca dan menghasilkan andaian implikatur seperti (1) abang (Azraai) yang mahu memastikan keselamatan adiknya (Farisha) terjamin, (2) abang menjaga kebajikan adiknya, (3) abang yang memantau pergerakan adiknya. Jelaslah, berdasarkan makna ujaran tersebut, pembaca dapat membuat kesimpulan implikatur bahawa “memang menjadi tanggungjawab dan tugas seorang abang untuk memastikan menjaga keselamatan adiknya terjamin”.

Dapatan ini dapat diperkukuhkan dengan analisis RRS seperti berikut:

“*Azraai* tu abang kau. Dia sayang akan kau. Tentulah dia buat semua ni demi keselamatan kau.” Shida



berada di pihak Azraai nampaknya.



Analisis RRS Data 1 menunjukkan sifat seorang abang yang bernama Azraai. Dengan bantuan analisis RRS, membuktikan tindakan Azraai ialah seorang abang yang bertanggungjawab. Berdasarkan pemahaman sedia ada pembaca terhadap leksikal tambahan seperti 'tentulah', 'demi' dan 'kau' dapat memberi kesan kognitif kepada pembaca. Ujaran ini diperkukuhkan dengan wujudnya frasa 'demi keselamatan kau' dapat menghasilkan tafsiran yang hampir kepada makna sebenar oleh pembaca terhadap proposisi tersebut iaitu sudah menjadi tanggungjawab seorang abang memastikan keselamatan adiknya terjamin. Dalam keadaan ini, pembaca tidak memerlukan usaha memproses yang tinggi kerana kesan kognitif menjadi lebih jelas dengan tambahan frasa 'demi keselamatan kau' sudah memadai untuk membayangkan makna yang ingin disampaikan dalam peristiwa ini. Secara langsung frasa 'demi keselamatan kau' menjelaskan perihal tanggungjawab seorang abang terhadap adiknya. Hal ini sinonim dengan citra masyarakat terutamanya masyarakat Melayu, iaitu seorang abang akan diamanahkan oleh keluarga untuk menjaga adik-beradik selepas kedua ibu bapa apabila ibu bapa meninggal dunia.

Jadual 2: Rumusan analisis peluasan makna (KBAT) berdasarkan data 1.

Makna sebenar	Peluasan makna (KBAT)		
	Latar Masyarakat	Nilai	Pengajaran
Seorang abang yang bertanggungjawab	Masyarakat yang bertanggungjawab (diwakili oleh Azraai)	Nilai bertanggungjawab (diwakili oleh Azraai)	Seorang abang hendaklah bertanggungjawab terhadap keselamatan adiknya (diwakili oleh Azraai)
Seorang abang yang menyayangi adiknya	Masyarakat yang penyayang (diwakili oleh Azraai)	Nilai kasih sayang (diwakili oleh Azraai)	Seorang abang hendaklah menyayangi adiknya / ahli keluarganya (diwakili oleh Azraai)
Seorang abang yang prihatin	Masyarakat yang prihatin (diwakili oleh Azraai)	Nilai keprihatinan (diwakili oleh Azraai)	Seorang abang hendaklah prihatin terhadap keselamatan adiknya (diwakili oleh Azraai)

Berdasarkan kesan kognitif, pembaca dapat menginterpretasi makna sebenar, dan berfikir secara KBAT untuk meluaskan makna sebenar bagi mentafsir latar masyarakat, nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam peristiwa penting. Berdasarkan pemahaman sedia ada pembaca dapat mengandaikan dan mentafsir seterusnya meluaskan makna sebenar dengan menjana kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Berdasarkan Data 1, pembaca dapat menghasilkan peluasan KBAT seperti berikut:

- (1) seorang abang yang bertanggungjawab dapat diluaskan makna secara KBAT dengan pembaca boleh membuat andaian bagi menjelaskan latar masyarakat iaitu latar masyarakat yang bertanggungjawab, seterusnya dapat diandaikan nilai murni dalam masyarakat tersebut iaitu nilai bertanggungjawab dan pengajaran daripada peristiwa ini dapat diandaikan oleh pembaca sebagai seorang abang hendaklah bertanggungjawab terhadap keselamatan adiknya.
- (2) seorang abang yang menyayangi adiknya pula dapat diluaskan maknanya secara KBAT dengan pembaca membuat andaian bagi latar masyarakat iaitu latar masyarakat yang penyayang, seterusnya pembaca dapat mengandaikan nilai murni dalam masyarakat iaitu nilai kasih sayang antara satu sama lain dan pembaca dapat membuat andaian pengajaran bagi peristiwa ini pula seorang abang hendaklah sentiasa menyayangi adiknya atau ahli keluarganya.
- (3) seorang abang yang prihatin juga dapat diluaskan maknanya secara KBAT dengan pembaca boleh membuat andaian bagi latar masyarakat dalam peristiwa ini iaitu latar masyarakat yang prihatin, seterusnya dapat diandaikan nilai murni dalam masyarakat tersebut iaitu nilai keprihatinan dan pembaca dapat membuat andaian pengajaran daripada peristiwa ini dapat disimpulkan sebagai seorang abang hendaklah prihatin terhadap keselamatan adiknya. Dengan analisis TR dan RRS ini dapat disimpulkan hanya menggunakan satu peristiwa (data) pembaca dapat mentafsir dan mengandaikan beberapa elemen penting dalam pembelajaran KOMSAS seperti latar masyarakat, nilai murni dan pengajaran yang cuba disampaikan dalam sesebuah novel.



7. Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa, setiap latar masyarakat, nilai murni dan pengajaran dalam Novel Di Sebalik Dinara ini telah dianalisis menggunakan analisis TR dan diperkukuhkan dengan analisis RRS untuk mendapatkan makna sebenar yang ingin disampaikan dalam novel tersebut. Tulisan ini telah membuktikan bahawa, pengaplikasian TR dan RRS dalam pembelajaran novel KOMSAS adalah relevan dan dapat memberi makna implisit kepada pembaca seterusnya dapat membantu pembaca meningkatkan kemahiran KBAT dalam diri pembaca. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian sarjana-sarjana lepas yang mengaplikasikan TR dan RRS dalam kajian-kajian berkaitan bahasa figuratif, peribahasa, partikel, citra lelaki, konsep ruang, penggunaan simbol dalam ucapan, kajian novel dan sajak telah membuktikan pengaplikasian TR dan RRS adalah relevan. Keadaan ini kerana selagi ujaran itu boleh menimbulkan kesan konteks dalam konteks yang dibincangkan ujaran itu adalah relevan selaras dengan pendapat Sperber dan Wilson dalam Relevans Komunikasi dan Kognisi (1999) bahawa sesuatu andaian adalah relevan dalam konteks jika dan hanya jika ia mempunyai beberapa kesan konteks dalam konteks tersebut. Berdasarkan hasil analisis TR dan RRS data di atas, kajian ini dapat mencapai objektifnya iaitu menerapkan TR dalam pembelajaran KOMSAS dalam menganalisis latar masyarakat, nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam novel Di Sebalik Dinara. Oleh itu, pengkaji berpendapat pengaplikasian TR dan RRS ini boleh dimanfaatkan dalam pembelajaran KOMSAS di sekolah-sekolah sebagai salah satu pendekatan yang lebih menarik perhatian pelajar yang secara tidak langsung menekan ke arah kemahiran berfikir aras tinggi. Pengkaji berharap kajian seperti ini dapat diteruskan untuk menganalisis aspek-aspek penting dalam pembelajaran sastera dan KOMSAS di sekolah-sekolah bagi meningkatkan kemahiran KBAT dalam kalangan pelajar serta meningkatkan minat pelajar dalam mempelajari KOMSAS.

Rujukan

Flick, U. (2008). *Designing Qualitative Research*. SAGE.

Jalaluddin, N. H. (Trans.). (1999). *Relevans: komunikasi & kognisi* (1st ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Jalaluddin, N.H. (2003). *Bahasa dalam perniagaan: satu analisis semantik dan pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kadir, N. H. (2007). Kewajaran pengajaran komsas dalam bahasa melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, Jilid 5. jurnalperadabanipm.blogspot.com/2008/08/jurnal-peradaban-melayu_04.html

Kamus Dewan Bahasa (4th ed.). (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Ritos, S., & Daud, M. Z. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 64-83.

Salleh, S. F., Yahya, Y., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2020). Analisis semantik leksikal dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 45-63.

Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020). Perwatakan dalam novel komsas "Di Sebalik Dinara": Analisis teori relevan. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 84-100.

Subet, M.F. (1993). *Penggunaan pendekatan mengalami-menghayati dalam pengajaran novel di Peringkat Tingkatan 6 Kajian Ilmiah*, Serdang, Selangor: Universiti Pertanian Malaysia.

Subet, M. F. (2010). *Interpretasi makna bahasa figuratif sebagai cerminan emosi: satu analisis teori relevans* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Subet, M.F.(2014). *Pengajaran-Pembelajaran Gaya Bahasa: Aplikasi Teori Relevans*, Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak.



Sulaiman, D. N. (2014). *Di Sebalik Dinara* (1st ed.). Utusan Publication& Distributors Sdn. Bhd.
Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000. (2000). Kementerian Pendidikan Malaysia.